

Media Title : Kosmo
Headline : Kongsi urusan peribadi jadi umpan
Date : 22 February 2026
Section : Negara!
Page : 6



Kongsi urusan peribadi jadi umpan

- **Maklumat peribadi yang dikongsi makan diri**
- **Bahaya klik pautan yang diberikan untuk tebus baucar**

Oleh **NURUL IZZATI ZAINI** dan **HALISYA ISMA ZULKURNAIN**

PETALING JAYA – Perkongsian urusan peribadi di media sosial yang kelihatan 'biasa-biasa' rupanya boleh membuka ruang kepada pendedahan maklumat peribadi tanpa sedar sekali gus memberi peluang kepada scammer untuk menjalankan kegiatan mereka.

Ketua Cybersecurity, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Prof. Datuk Dr. Mohamad Noordin, berkata semakin ramai menjadi mangsa scammer kerana tidak dinafikan banyak maklumat peribadi yang sudah dikongsi secara umum di media sosial tanpa sedar.

"Ramai tidak sedar sebenarnya banyak maklumat peribadi

termasuk nama penuh dan tempat tinggal yang sudah dikongsi-kan di media sosial.

"Seperti akaun Google atau Play Store yang diakses bersama akaun bank untuk membayar langganan permainan dan sebagainya," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* Ahad

Mohamad Nordin berkata, kebimbangan terhadap fail Android Package (APK) yang dimuat turun secara automatik ke dalam telefon mangsa selepas menekan pautan, khususnya ketika penggunaan imbasan kod QR juga dilihat semakin meningkat.

"Sebarang pautan link tanpa kepastian terutama daripada nombor peribadi yang menyamar perlu dielakkan terutama kebarangkalian fail APK yang dimuat turun secara langsung.

"Sekiranya fail dimuat turun, fail terbabit boleh membaca dan mengambil maklumat peribadi termasuk informasi akaun bank yang di akses di Google dan sebagainya," ujarnya.

Sebelum ini akhbar ini mendedahkan taktik scammer kini semakin licik apabila mereka

menyasarkan pengguna skim 'Beli Sekarang Bayar Kemudian' (BNPL) sebelum memperdaya mangsa sehingga mengalami kerugian belasan ribu ringgit.

Sindiket terbabit dikesan menghubungi mangsa melalui panggilan telefon atau WhatsApp sebelum menyamar sebagai pegawai syarikat e-dagang.

Mereka mendakwa mangsa kononnya terpilih menerima baucar eksklusif atau hadiah lumayan susulan pembelian bernilai tinggi yang dibuat di platform e-dagang

Tambah Dr. Mohamad, ramai scammer mengambil peluang untuk membeli data daripada pasaran gelap yang menjual maklumat peribadi pengguna.

"Tidak dinafikan ramai juga scammer yang membeli data daripada pasaran gelap untuk menipu dalam talian dengan informasi akaun pengguna bank.

"Selain itu, banyak taktik scammer termasuk panggilan senyap selain tekan pautan link atau imbasan kod QR yang berjaya manipulasi ramai pengguna," ujarnya.



MOHAMAD

Dalam pada itu, Mohamad Nordin berkata antara langkah berjaga-jaga yang perlu dilakukan adalah mangsa sepatutnya mengabaikan sekiranya terima panggilan telefon daripada nombor tidak dikenali.

"Langkah paling selamat, boleh hubungi pihak bank untuk menyekat atau menutup akaun secepat mungkin sebelum scammer dapat akses ke akaun bank peribadi.

"Walaupun akan menyusahkan di kemudian hari untuk membuka semula akaun bank tersebut, lebih baik berbanding



mengalami kerugian berpanjangan," katanya.

Mohamad Noordin berkata, hubungi pihak bank atau talian khusus (hotline) dalam masa 24 jam terlebih dahulu sekiranya menekan pautan link tidak meyakinkan.

"Mangsa boleh hubungi pihak bank atau nombor hotline Pusat Respons Penipuan Kebangsaan 997 sebagai tindakan segera sebelum mengalami kerugian lebih banyak," katanya.